



JABATAN PERDANA MENTERI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

**KENYATAAN MEDIA**

**BAGI STATISTIK PERDAGANGAN PERKHIDMATAN ANTARABANGSA 2021**

---

**Perdagangan perkhidmatan Malaysia merekodkan defisit sebanyak RM60.7 bilion disebabkan oleh Perjalanan *inbound* yang lebih rendah pada 2021**

**PUTRAJAYA, 8 JUN 2022** – Jumlah perdagangan perkhidmatan Malaysia berjumlah RM234.2 bilion, menyumbang 15.2 peratus kepada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK pada harga semasa) pada 2021. Defisit perdagangan perkhidmatan terus meningkat kepada RM60.7 bilion berbanding tahun sebelumnya diterajui oleh defisit yang lebih tinggi dalam Perjalanan, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) dalam Statistik Perdagangan Antarabangsa dalam Perkhidmatan (SITS) 2021 pada hari ini.

Menurut Ketua Perangkawan Malaysia, “Malaysia sekali lagi mencatatkan defisit perdagangan perkhidmatan tertinggi selepas mencatatkan defisit sebanyak RM47.2 bilion pada 2020. Memandangkan perdagangan perkhidmatan lebih berdaya tahan terhadap kejutan luaran, terutamanya berbanding dengan perdagangan barang, pandemik COVID-19 telah memberi kesan lebih teruk ke atas perdagangan perkhidmatan, yang dapat dilihat melalui defisit yang semakin melebar. Eksport perkhidmatan merekodkan RM86.7 bilion berbanding RM93.0 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, import perkhidmatan meningkat sebanyak 5.2 peratus kepada RM147.5 bilion daripada RM140.1 bilion pada 2020.”

Mengulas lanjut mengenai perdagangan perkhidmatan, Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menjelaskan bahawa sepanjang krisis COVID-19, Perkhidmatan perniagaan lain yang diintegrasikan dengan teknologi digital mempunyai kesan negatif yang paling minimum. Perkhidmatan ini mencatatkan nilai eksport RM27.1 bilion pada 2021

berbanding RM27.3 bilion pada tahun sebelumnya. Sementara itu, import komponen ini meningkat sebanyak 4.0 peratus tahun ke tahun kepada RM30.9 bilion, menyebabkan defisit sebanyak RM3.9 bilion dalam perkhidmatan ini.

Selain itu, Pengangkutan mencatatkan defisit sebanyak RM32.5 bilion berbanding RM27.4 bilion pada 2020 disebabkan oleh peningkatan dalam pembayaran yang lebih tinggi daripada penerimaan, terutamanya untuk aktiviti muatan. Peningkatan ini juga disebabkan oleh peningkatan pada kadar tambang muatan laut susulan daripada gangguan rantaian bekalan global, di mana pengangkut menghadapi kekurangan kapal dan kontena semasa pandemik. Eksport pengangkutan mencatatkan RM15.5 bilion berbanding RM13.8 bilion pada tahun sebelumnya. Pertumbuhan eksport sebanyak 12.1 peratus didorong oleh peningkatan dalam aktiviti muatan laut dan udara, walaupun eksport penumpang udara merosot 89.9 peratus disebabkan oleh kekangan perjalanan global untuk mengawal penularan COVID-19. Import pengangkutan meningkat 16.2 peratus tahun ke tahun kepada RM47.9 bilion pada 2021, seiring dengan peningkatan import barang.

Dengan pertumbuhan pesat perkhidmatan yang disampaikan secara digital dalam bentuk *roaming*, pengkomputeran awan, penstriman video dan langganan permainan mudah alih, eksport perkhidmatan Telekomunikasi, komputer dan maklumat meningkat sebanyak 3.5 peratus atau RM13.8 bilion berbanding RM13.4 bilion pada 2020. Pada masa yang sama, import komponen ini juga meningkat 5.1 peratus kepada RM17.6 bilion daripada RM16.7 bilion pada tahun sebelumnya. Hasilnya, Telekomunikasi, komputer dan maklumat mencatatkan defisit sebanyak RM3.8 bilion pada 2021 berbanding RM3.4 bilion pada tahun sebelumnya.

“Malah tidak mengejutkan, Perjalanan yang telah menunjukkan trend negatif yang berterusan sejak 2020 kerana sempadan Malaysia ditutup kepada ketibaan pelancong, mengakibatkan defisit tertinggi dalam perdagangan perkhidmatan pada 2021. Pelaksanaan pelbagai sekatan ke atas perjalanan rentas sempadan berikutan situasi COVID-19 yang belum pernah berlaku dan berpanjangan, eksport perjalanan merosot 97.4 peratus kepada RM0.3 bilion pada 2021 daripada RM12.5 bilion pada

tahun sebelumnya. Import perjalanan juga menunjukkan trend yang sama seperti eksport, menurun 25.8 peratus kepada RM14.9 bilion daripada RM20.1 bilion pada tahun sebelumnya. Oleh itu, Perjalanan mencatatkan defisit sebanyak RM14.6 bilion berbanding RM7.6 bilion pada 2020. Bayaran lebih tinggi dilihat apabila residen Malaysia ke luar negara untuk urusan perniagaan, pendidikan, kesihatan dan perkhidmatan penting lain berbelanja lebih banyak daripada pelawat asing di Malaysia." kata Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Namun begitu, Perkhidmatan pembuatan menyumbang lebihan dagangan sebanyak RM14.1 bilion pada 2021, tertinggi dalam dekad yang lalu. Komponen ini yang merupakan penyumbang kedua terbesar kepada eksport perkhidmatan selepas Perkhidmatan perniagaan lain mencatatkan nilai eksport pada RM15.5 bilion, meningkat sebanyak 21.3 peratus tahun ke tahun. Pada masa yang sama, import perkhidmatan pembuatan juga meningkat kepada RM1.3 bilion daripada RM0.8 bilion pada tahun sebelumnya. Lebihan yang lebih tinggi ini sejajar dengan peningkatan permintaan untuk peralatan elektrik dan elektronik, terutamanya semasa pandemik, seperti penggunaan peranti boleh pakai, penggunaan teknologi kecerdasan buatan (AI) dan sebagainya.


Menjelaskan mengenai perdagangan perkhidmatan Malaysia dengan negara di seluruh dunia pada 2021, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menekankan bahawa Amerika Syarikat (USA) adalah destinasi utama untuk eksport dan import perkhidmatan Malaysia, masing-masing pada RM26.6 bilion dan RM32.1 bilion, meningkat 7.0 peratus dan 1.8 peratus tahun ke tahun. Eksport utama Malaysia ke Amerika Syarikat adalah Perkhidmatan pembuatan dan Perkhidmatan perniagaan lain, manakala import utama adalah Perkhidmatan perniagaan lain dan Perjalanan. Singapura yang merupakan destinasi kedua terbesar perdagangan perkhidmatan, merekodkan nilai eksport pada RM19.5 bilion dan import RM23.1 bilion, terutamanya Perkhidmatan perniagaan lain, Pengangkutan dan Telekomunikasi, komputer dan maklumat. Negara ketiga terbesar untuk eksport ialah United Kingdom dengan RM6.3 bilion manakala bagi import ialah China pada RM15.1 bilion.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menyimpulkan bahawa, "Walaupun kesan negatif daripada penularan COVID-19, khususnya pada Perjalanan, kita tidak dapat menafikan bahawa pandemik ini juga telah membentuk kehidupan sehari-hari kita dengan mengadaptasi teknologi digital, berikutan kawalan pergerakan dan norma Bekerja dari Rumah. Perniagaan, kesihatan dan perkhidmatan pendidikan telah pulih secara beransur-ansur melalui platform dalam talian, seterusnya meningkatkan perkhidmatan berkaitan ICT pada 2021 dan dijangka akan terus berkembang lagi pada masa akan datang. Tambahan pula, eksport Perkhidmatan mungkin melihat trend positif terutamanya dalam Perjalanan, hasil daripada pembukaan semula sempadan Malaysia kepada semua pelawat pada 1 April 2022. Walau bagaimanapun, dengan mengambil kira krisis kemanusiaan semasa dan stagflasi global, perdagangan perkhidmatan dijangka akan meningkat secara sederhana dan menunjukkan prestasi di bawah tahap pra-pandemik, tetapi lebih baik daripada tahun lepas. Menurut laporan Tinjauan Ekonomi Malaysia oleh Kementerian Kewangan (MoF), Perdagangan perkhidmatan diramalkan mengalami defisit yang lebih kecil iaitu 57.6 bilion pada 2022."

DOSM sedang menjalankan Survei Pendapatan, Perbelanjaan Isi Rumah dan Kemudahan Asas (HIES/BA) 2022 bermula dari 1 Januari 2022 sehingga 31 Disember 2022 dan Survei Ekonomi Tahunan 2022 (AES 2022) bermula 15 April sehingga 30 September 2022. DOSM amat menghargai kerjasama daripada responden yang terpilih untuk memberikan maklumat kepada DOSM serta menjayakan survei ini. Sila layari [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) untuk maklumat lanjut.

DOSM juga menerbitkan statistik ekonomi dan sosial iaitu PocketStats yang mengandungi statistik suku tahunan dan tahunan yang boleh diperoleh dari portal DOSM atau melalui pautan [https://bit.ly/PocketStatsS1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsS1_2022).

**Carta 1: Perdagangan Perkhidmatan Antarabangsa Malaysia, 2010-2021**



Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA**

**JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA**

**8 JUN 2022**



PRIME MINISTER'S DEPARTMENT  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

**MEDIA STATEMENT**  
**FOR STATISTICS OF INTERNATIONAL TRADE IN SERVICES (SITS) 2021**

***Malaysia's services trade recorded a deficit of RM60.7 billion owing to lower inbound Travel in 2021***

**PUTRAJAYA, 8 June 2022** – Malaysia's total trade in services amounted to RM234.2 billion, contributing 15.2 per cent to the Gross Domestic Product (GDP at current prices) in 2021. The deficit in services trade further increased to RM60.7 billion as against the previous year led by the higher deficit in Travel, reported the Department of Statistics, Malaysia (DOSM) today in **Statistics of International Trade in Services (SITS) 2021**.

According to the Chief Statistician of Malaysia, “Malaysia has again recorded its highest trade deficit in services after posting a deficit of RM47.2 billion in 2020. As services trade is more resilient to external shocks, especially compared to the goods trade, the COVID-19 pandemic had a severe impact on services trade, which was reflected in a widening of the deficit. Exports of services recorded RM86.7 billion compared to RM93.0 billion in the previous year. Meanwhile, imports of services increased by 5.2 per cent to RM147.5 billion from RM140.1 billion in 2020.”

Remarking further on the trade in services, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that throughout the COVID-19 crisis, Other business services which integrated with digital technology had the least negative impact. This services recorded an export value of RM27.1 billion in 2021 compared to RM27.3 billion in the previous year. Meanwhile, imports of this component grew by 4.0 per cent year-on-year to RM30.9 billion, resulting in a deficit of RM3.9 billion in this services.

Apart from that, Transport recorded a deficit of RM32.5 billion compared to RM27.4 billion in 2020 as the increase in payments was higher than receipts, primarily for freight. The increase can also be attributed to the significant rise in sea freight rates due to the global supply chain disruption, where shippers faced a shortage of ships and containers during the pandemic. Exports of transport logged RM15.5 billion as against RM13.8 billion in the preceding year. The 12.1 per cent exports growth was driven by the increase in sea and air freight activities, although air passenger exports nosedived 89.9 per cent due to the global travel limitations to curb the spread of COVID-19. Imports of transport accelerated by 16.2 per cent year-on-year to record RM47.9 billion in 2021, in tandem with the increase in imports of goods.

With the rapid growth of digitally-delivered services in the form of roaming, cloud computing, video streaming and mobile game subscriptions, exports of Telecommunications, computer and information services edged up 3.5 per cent or RM13.8 billion compared to RM13.4 billion in 2020. At the same time, imports of this component also increased by 5.1 per cent to RM17.6 billion from RM16.7 billion in the previous year. As a result, Telecommunications, computer and information services recorded a deficit of RM3.8 billion in 2021 compared to RM3.4 billion in the previous year.

“Unsurprisingly, Travel which has shown a persistent negative trend since 2020 as Malaysia’s borders were closed to tourist arrivals, caused the highest deficit in services trade of 2021. Due to the various restrictions on cross-border travel following the unprecedented and prolonged COVID-19 situation, exports of travel slumped 97.4 per cent to RM0.3 billion in 2021 from RM12.5 billion in the previous year. Imports of travel also witnessed a similar trend as exports, fell by 25.8 per cent to RM14.9 billion from RM20.1 billion in the previous year. Thus, Travel posted a deficit of RM14.6 billion compared to RM7.6 billion in 2020. The higher payments were observed as Malaysians travelling abroad for business, education, health and other essential services spent more than foreign travellers in Malaysia.” cited Dato’ Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin.

Nevertheless, the Manufacturing services accounted for a trade surplus of RM14.1 billion in 2021, the highest in the past decade. This component, which was the second largest contributor to exports of services after Other business services, logged an export value of RM15.5 billion, rose by 21.3 per cent year-on-year. Concurrently, imports of manufacturing services also increased to RM1.3 billion from RM0.8 billion in the previous year. The higher surplus was in trail with the rising demand for electrical and electronic equipment, especially during the pandemic, such as the use of wearable devices, the use of artificial intelligence (AI) technologies and etc.


Commenting on Malaysia's services trade with countries around the world in 2021, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin highlighted that the United States of America (USA) was the top destination for Malaysia's services exports and imports, valued at RM26.6 billion and RM32.1 billion with a 7.0 per cent and 1.8 per cent year-on-year increase respectively. Malaysia exported mainly Manufacturing services and Other business services to the USA, whereas imported mostly Travel and Other business services. Singapore, the second largest destination of services trade, recorded a value of exports at RM19.5 billion and imports RM23.1 billion, primarily Other business services, Transport and Telecommunications, computer and information. The third largest country for exports was the United Kingdom with RM6.3 billion while for imports was China at RM15.1 billion.

Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin concluded by saying, "Despite the negative impact of the COVID-19 outbreak, especially on Travel, we cannot deny that the pandemic has shaped our daily life by embracing digital technology following the movement restrictions and Work from Home norms. Business, health and education services have gradually recovered through online platforms, subsequently improved ICT-related services in 2021 and expected to expand further in the coming months. In addition, Services exports may see a positive trend particularly in Travel, as a result of the reopening of Malaysia's borders to all travellers on 1 April 2022. However, considering the current humanitarian crisis and global stagflation, trade in services is anticipated to pick up moderately and perform below pre-pandemic level, but better than last year. According to the Malaysia Economic Outlook by the Ministry of Finance (MoF), Trade in services is forecasted to have a smaller deficit of 57.6 billion in 2022."

DOSM is conducting the Household Income, Expenditure and Basic Amenities Survey (HIES/BA) 2022 from 1st January 2022 to 31st December 2022 and the Annual Economic Survey 2022 (AES 2022) from 15th April 2022 to 30th September 2022. DOSM greatly appreciates the cooperation given by selected respondents by sharing their information with DOSM and making the survey a success. Please visit [www.dosm.gov.my](http://www.dosm.gov.my) for more information.

DOSM also released economic and social statistics, namely PocketStats which contain quarterly and annual statistics that can be obtained from the DOSM portal or via the link [https://bit.ly/PocketStatsQ1\\_2022](https://bit.ly/PocketStatsQ1_2022).

**Chart 1: Malaysia's International Trade in Services, 2010-2021**



Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS, MALAYSIA**

**08 JUNE 2022**